

PTS jangka kuasai 30 peratus pasaran insurans tempatan

PAC Total Solutions Sdn Bhd (PTS), anak syarikat HeiTech Padu Bhd, menjangka mampu menguasai sehingga 30 peratus pasaran insurans tempatan menerusi kerjasama dengan penyedia penyelesaian insurans global, TIA Technology A/S.

Menerusi kerjasama itu, PTS akan memasar dan mengguna pakai produk perdana TIA Technology yang berpangkalan di Denmark dikenali sebagai - TIA Solution, di pasaran tempatan dan Asia.

Ketua Eksekutif PTS, Eric Loo, berkata TIA Solution adalah penyelesaian insurans bersepadu yang mampu menguruskan semua proses membabitkan perniagaan insurans.

"Kami juga akan menyediakan latihan dan sokongan teknikal kepada syarikat insurans yang berminat

menggunakan produk perdana ini," katanya kepada media selepas majlis memeterai perjanjian kerjasama antara kedua-dua syarikat di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Eksekutif Heitech Padu, Datuk Mohd Hilmey Mohd Taib dan Ketua Eksekutif TIA Technology, Morten Steiner.

Loo berkata, pihaknya yakin terdapat potensi pasaran luas bagi produk berkenaan memandangkan industri insurans semakin berkembang di negara ini dan turut merancang memasarkannya di pasaran serantau.

Selain mengukuhkan kedudukan di pasaran tempatan, katanya, syarikat bersedia memasarkan produk perdana itu di negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Singapura.